



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 23 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MINISTRY: 524 CHILD ABUSE CASES RECORDED IN EIGHT MONTHS	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/22/ministry-524-child-abuse-cases-recorded-in-eight-months	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	NOT ENOUGH FOR KIDS AT RISK	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/22/not-enough-for-kids-at-risk	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	IT'S ALL IN THE FAMILY, SO ABUSE KEPT HUSH	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/22/its-all-in-the-family-so-abuse-kept-hush	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	TINGKATKAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA. SARINGAN AWAL BANTU KURANGKAN RISIKO, TINGKAT PELUANG SEMBUH	
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/lifestyle/tingkatkan-kesedaran-kanser-payudara-saringan-awal-bantu-kurangkan-risiko-tingkat-peluang-semboh/	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	MASYARAKAT PERLU BERGANDING BAHU DENGAN POLIS KEKANG JENAYAH: SIKIE	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/22/masyarakat-perlu-berganding-bahu-dengan-polis-kekang-jenayah-sikie	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	FATHER, GIRLFRIEND PLEAD GUILTY TO CHILD NEGLECT IN JOHOR	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/22/father-girlfriend-plead-guilty-to-child-neglect-in-johor/97779	MALAYMAIL.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/bapa-teman-wanita-mengaku-bersalah-abai-anak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1168131/pemandu-van-teman-wanita-dituduh-abai-dera-anak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/630787/video/berita-semasa-video/lelaki-teman-wanita-didakwa-abai-dan-cedera-anak-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bapa-teman-wanita-mengaku-salah-dakwa-anak-lelaki-x8p0db	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/630761/berita/semasa/lelaki-teman-wanita-didakwa-abai-dan-cedera-anak-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/22/bapa-teman-wanita-mengaku-bersalah-abai-kanak-kanak-tujuh-tahun	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022518/pasangan-kekasih-mengaku-bersalah-abai-anak	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH MULA OPERASI DI SABAH ESOK	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2237365	BERNAMA.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022631/sekolah-bimbingan-jalanan-kasih-beroperasi-di-sabah-esok	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT PUN ADA @KPWK	
	https://www.youtube.com/watch?v=afQV1yB7WnE	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LEBIH 500 SUKARELAWAN JPPKK TURUN PADANG PROGRAM CSR RAHMAH TAMBUN 2023	
	https://my.lifeneagency.com/2023/10/22/lebih-500-sukarelawan-jppkk-turun-padang-program-csr-rahmah-tambun-2023/	MY.LIFENEWSAGENCY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PEJABAT BAHARU: YAKEB SOKONG KEPUTUSAN KBS	
	https://www.astroawani.com/berita-sukan/pejabat-baharu-yakeb-sokong-keputusan-kbs-442847	ASTROAWANI.COM
	https://suarasarawak.my/pejabat-baharu-yakeb-sokong-keputusan-kbs/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	DUA MODUL LATIH PETUGAS BARISAN HADAPAN TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022563/dua-modul-latih-petugas-barisan-hadapan-tangani-isu-kesihatan-mental	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/22/kkm-akan-bangunkan-pelan-tindakan-kesihatan-mental-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETE.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/683781	MALAYSIAKINI.COM
	https://selangorkini.my/2023/10/kkm-bangunkan-pelan-tindakan-kesihatan-mental-kanak-kanak-remaja/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WANITA MCA CALLS ON GOVT TO ENSURE EFFECTIVENESS OF SUBSIDY INITIATIVE	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/22/wanita-mca-calls-on-govt-to-ensure-effectiveness-of-subsidy-initiative	THESTAR.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	ADA ARTIS WANITA DALAM PEMANTAUAN BANK NEGARA	
	https://www.utusan.com.my/pancaindera/2023/10/ada-artis-wanita-dalam-pemantauan-bank-negara/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WARGA EMAS MAUT BOT TERBALIK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630827/berita/semasa/warga-emas-maut-bot-terbalik	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-bot-terbalik-442913	ASTROAWANI.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/22/warga-emas-maut-akibat-bot-terbalik/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	RAGUT WARGA EMAS, PENGANGGUR DICEKUP	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022581/ragut-warga-emas-penganggur-dicekup	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/22/penganggur-ragut-beg-warga-emas-diberkas/	MALAYSIAGAZETE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/22/penganggur-ragut-beg-tangan-milik-warga-emas/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS PERLU KASIH SAYANG KELUARGA, MASYARAKAT	
	https://suarasarawak.my/warga-emas-perlu-kasih-sayang-keluarga-masyarakat/	SUARASARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	TIPU PROJEK, BEKAS KETUA KAMPUNG DIPENJARA 15 BULAN, 8 SEBATAN	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/tipu-projek-bekas-ketua-kampung-dipenjara-15-bulan-8-sebatan/	BULETINTV3.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022569/bekas-ketua-kampung-tipu-projek-dipenjara-15-bulan-8-sebatan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	DUA PELAJAR DITAHAN BANTU SIASATAN MILIKI VIDEO RAKAN MANDI	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2237265	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WARGA EMAS SANGGUP DATANG DARI IPOH DEMI #QURAN HOUR FOR GAZA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630760/khas/wacanaquran/warga-emas-sanggup-datang-dari-ipoh-demi-quranhour-for-gaza	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	SOC SO MANAGED TO REDUCE UNEMPLOYMENT IN KELANTAN THROUGH 37,000 JOB PLACEMENTS	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/22/socso-managed-to-reduce-unemployment-in-kelantan-through-37000-job-placements/97780	MALAYMAIL.COM



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	LELAKI 'KANTOI' PAKAI TUDUNG, RAKAM WANITA DALAM TANDAS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/22/lelaki-kantoi-pakai-tudung-rakam-wanita-dalam-tandas/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	RUMAH TERBAKAR, PENDUDUK PECAHKAN GRIL PINTU SELAMATKAN LELAKI OKU	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1168288/rumah-terbakar-penduduk-pecahkan-gril-pintu-selamatkan-lelaki-oku	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/22/rumah-terbakar-anggara-adik-oku-masak-di-dapur/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ojEkp_PRnoU	YOUTUBE
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1022652/pecah-jeriji-besi-selamatkan-oku-mental-dalam-kebakaran	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	BELIA DIGALAK TURUT SERTA DALAM PROGRAM MELIBATKAN PENYERTAAN WARGA TUA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/22/belia-digalak-turut-serta-dalam-program-melibatkan-penyertaan-warga-tua	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	KARNIVAL WARGA EMAS, DATARAN TITIWANGSA	
	https://www.youtube.com/watch?v=5cTaM6cmQ-E	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	MASIH TRAUMA DIUJI KANSER 25 TAHUN LALU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630832/edisi/kelantan/masih-trauma-diuji-kanser-25-tahun-lalu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	DUA MAUT KERETA BERTEMBUNG PACUAN EMPAT RODA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/630851/berita/semasa/dua-maut-kereta-bertembung-pacuan-empat-roda	SINARHARIAN.COM.MY



TAJUK : BAPA, KEKASIH DIDAKWA ABAI BUDAK LELAKI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa, kekasih didakwa abai budak lelaki



Thalayan dan Mageswari dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.
(Foto Mary Victoria Dass/BH)

Johor Bahru: Seorang lelaki pemandu van kilang dan kekasihnya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas dakwaan mengabaikan anak kandungnya berusia tujuh tahun selama empat bulan hingga mengakibatkan budak lelaki itu kekurangan nutrisi.

R Thalayan, 37, dan teman wanitanya, K Mageswari, 39, didakwa di hadapan Hakim Fatimah Zahari mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua tertuduh yang ditahan polis pada 13 Oktober lalu, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga RM50,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pasangan itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mangsa kekurangan nutrisi

Thalayan dan Mageswari didakwa melakukan pengabaian ke atas kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun terbabit sekitar Julai hingga 12 Oktober lalu di sebuah premis, dekat sini sehingga menyebabkan mangsa kekurangan zat makanan atau nutrisi.

Dalam pertuduhan berasingan, Mageswari mengaku tidak bersalah atas dakwaan menyebabkan kecederaan fizikal pada bahagian tangan kanan mangsa di lokasi dan pada masa sama.


Dia didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 ta-

hun dan denda sehingga RM50,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, S Thiya dan Umar Faiz Abdul Kohar, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM6,000 ke atas setiap tertuduh, selain memerintahkan mereka melapor diri sebulan sekali di balai polis dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah serta 21 November depan untuk sebutan semula kes dan lantikan peguam.

Budak lelaki berkenaan kini di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini.



TAJUK : BEKAS KETUA KAMPUNG TIPU PROJEK DIPENJARA 15 BULAN, 8 SEBATAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bekas ketua kampung tipu projek dipenjara 15 bulan, 8 sebatan

Muar: Bekas ketua kampung menangis selepas Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman penjara 15 bulan serta lapan sebatan kerana bersalah menipu projek tidak wujud, sejak Ogos dan September lalu.

Tertuduh, Mohd Nazri Buang, 47, menghadapi lapan pertuduhan dibaca oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Fatin Dalilah Khalid.

Bapa kepada enam anak itu didakwa menipu warga emas Faizal Awab, 71, supaya menyertai projek kendalian Baitulmal, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) Daerah yang menyebabkan mangsa kerugian sehingga RM25,660.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Mohd Nazri didakwa memperdaya lelaki terbabit untuk mendapatkan tender membekalkan peralatan perubatan dan membaik pulih rumah fakir miskin daripada MAIJ Muar menyebabkan mangsa menyerahkan sejumlah RM880, RM3,770 dan RM8,900, pada 24 dan 25 Ogos lalu.

Bagi pertuduhan keempat hingga keenam, dia sekali lagi

didakwa memperdaya lelaki terbabit dan mangsa kemudian menyerahkan RM3,500, RM630 dan RM1,940 untuk tujuan sama, pada 4 hingga 5 September lalu.

Pertuduhan ketujuh dan kelapan pula, dia didakwa menipu orang sama yang kemudian menyerahkan RM4,100 serta RM1,940 kepadanya tanpa mengetahui semua projek ditawarkan tertuduh sebenarnya tidak wujud.


Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan dan boleh dihukum mengikut seksyen sama, iaitu penjara sehingga 10 tahun dan juga sebatan.

Berdasarkan fakta kes, mangsa membuat laporan mendakwa tertuduh menawarkan projek di bawah Baitulmal dan memintanya memberikan modal selain menjanjikan pulang keuntungan sehingga 70 peratus.

Pada masa sama, tertuduh juga menggunakan invoice palsu untuk meyakinkan mangsa dengan semua transaksi dijalankan secara berperingkat sejak 24 Ogos hingga 7 September lalu.



Mohd Nazri dibawa ke Mahkamah Majistret Muar atas dakwaan menipu projek tidak wujud.
(Foto Alias Abd Rani/BH)



TAJUK : LELAKI MENGAKU SALAH SAMUN REMAJA DALAM LIF ENGGAN DIIKAT JAMIN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki mengaku salah samun remaja dalam lif enggan diikat jamin

Johor Bahru: Lelaki yang menyamun remaja dalam lif sebuah pangsapuri, di sini minggu lalu, tidak mahu diikat jamin selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu ketika didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Mohamad Hidayat Daim, 43, yang tidak diwakili peguam pada prosiding di hadapan Hakim Fatimah Zahari, menolak tawaran ikat jamin RM15,000 dicadangkan Timbalan Pendakwa Raya, S Thiviya.

Dia sebelum itu mengaku bersalah melakukan samun pada jam 3.18 petang 15 Oktober lalu ke atas remaja lelaki berusia 14 tahun dalam lif blok A, Pangsapuri Desa Jaya, Jalan Bayu Puteri 2, di sini, iaitu sebuah telefon bimbit jenis Vi-

vo YISA biru gelap.

Mohamad Hidayat didakwa mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan, jika sabit kesalahan.

Berikutan pengakuan bersalah, Thiviya mencadangkan ikat jamin RM15,000, selain tertuduh perlu melapor diri di balai polis sebulan sekali, menyerahkan pasport antarabangsa dan memohon mahkamah memberi amaran kepada lelaki itu supaya tidak mengganggu mangsa.

Selepas tertuduh menyatakan tidak mahu diikat dijamin, mahkamah menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan fakta dan jatuh hukum.



Mohamad Hidayat dibawa ke Mahkamah Sesyen, di Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)



TAJUK :	RUMAH KELUARGA HANGUS DIBAKAR ADIK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	23 OKT 2023	M/SURAT :	18
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



Rumah dua tingkat separuh kekal hangus dipercayai akibat dibakar di Kampung Parit Che Ha, Manir, awal pagi semalam. (Foto Faizul Azlan Razak/BH)

Rumah keluarga hangus dibakar adik

Suspek dipercayai alami masalah kemurungan dua kali lakukan perbuatan sama

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: "Sebelum ini sudah dua kali adik cuba membakar rumah keluarga ini dengan kali terakhir dilakukannya lima tahun lalu, namun gagal apabila api berjaya dipadamkan. Bagaimanapun, pagi tadi (semalam), sekali lagi adik bertindak di luar batasan dan rumah ini akhirnya hangus dan gagal di-

selamatkan," kata Raja Rohani Raja Salim, 51.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.10 pagi semalam, sebuah rumah dua tingkat separuh kekal hangus dipercayai dibakar lelaki berusia 30-an yang dipercayai mengalami kemurungan di Kampung Parit Che Ha, Manir; di sini.

Dihuni empat beradik tiri

Menceritakan kejadian itu, Raja Rohani yang juga peniaga makanan berkata, kejadian berlaku ketika dia sedang mandi dan terdengar bunyi letupan di luar rumahnya.

Beliau berkata, dia meminta suaminya melihat apa yang berlaku dan mendapati rumah keluarga dihuni empat beradik tiri yang jaraknya kira-kira 100 meter dari rumahnya terbakar.

"Rumah ini milik ayah, Raja Salim Raja Kadir, 74, yang di-


diami empat beradik, manakala ayah duduk berasingan tidak jauh dari rumah ini.

"Seorang daripada empat beradik yang tinggal di sini dipercayai mengalami kemurungan dan ketika kejadian dia tinggal seorang diri selepas tiga yang lain keluar bekerja," katanya ditemui, di sini semalam.

Raja Rohani berkata, sebelum ini adiknya itu pernah membakar motosikal milik sendiri.

"Selepas membakar rumah, adik melarikan diri dan perbuatannya ini menyebabkan tiga beradik yang lain hilang tempat tinggal," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu, Rozizah Abni Hajar, berkata kediaman itu terbakar 80 peratus, manakala kerugian dan punca kejadian masih dalam siasatan.



TAJUK : 'BAYAR RM50 ATAU SAYA SEBAR VIDEO'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

PELAJAR RAKAM KENALAN PEREMPUAN MANDI

'Bayar **RM50** atau saya sebar video'

Bernama

Kuantan

Polis menahan dua pelajar lelaki berusia 16 tahun bagi membantu siasatan memiliki dan mengedar video seorang kenalan perempuan mereka yang sedang mandi.

Ketua Polis Daerah Kuantan Asisten Komisyoner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, kedua-dua suspek ditahan kelmarin, selepas hadir memberi keterangan ekoran laporan polis yang di-



Pengadu mendakwa seorang suspek memberitahu mempunyai video dirinya sedang mandi dan meminta bayaran RM50 jika mahu video terbabit"

Wan Mohd Zahari

buat remaja perempuan berusia 13 tahun itu pada Jumaat lalu.

"Pengadu mendakwa



seorang suspek memberitahu mempunyai video dirinya sedang mandi dan meminta bayaran RM50 ji-

ka mahu video terbabit.

"Pengadu mendakwa video itu disebarkan oleh seorang lagi suspek, kerana ia dibuat semasa mereka berhubung menerusi panggilan video pada Mei lalu," katanya semasa dihubungi di sini, semalam.

Wan Mohd Zahari berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksan, kerana memiliki video lucah yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.



TAJUK : 2 MODUL LATIH ANGGOTA KESIHATAN TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

2 modul latih anggota kesihatan tangani isu kesihatan mental

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melancarkan dua modul untuk melatih anggota kesihatan dan petugas barisan hadapan pelbagai agensi bagi menangani isu kesihatan mental rakyat di negara ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, Modul Latihan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial Semasa Krisis dan Bencana (MHPSS) dibangunkan bagi melatih anggota kesihatan lain seperti pakar perubatan keluarga, pegawai perubatan dan paramedik di klinik kesihatan seluruh negara.

Katanya, modul itu dibangunkan atas kesedaran mengenai kekangan anggota profesional kesihatan mental terutama ketika bencana pandemik Covid-19.

"Pada ketika ini, sekurang-kurangnya satu pasukan MHPSS diwujudkan di setiap daerah dan setiap hospital.

"Saya mengharapkan dengan pelancaran modul ini dapat mengukuhkan kemahiran pengurusan krisis dalam kalangan anggota kesihatan, sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kesihatan mental dalam usaha menjayakan kempen hentikan stigma," katanya pada pelancaran dua modul itu sempena Majlis Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, KKM juga membangunkan *Training Module on Suicide Prevention First-Line Responders* bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan melatih petugas barisan hadapan pelbagai agensi dalam mencegah tingkah laku bunuh diri.

"Modul ini bagi melatih anggota kesihatan, polis, bomba, Angkatan Pertahanan Awam (APM), maritim dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dalam pengendalian kes tingkah laku bunuh diri serta rujukan untuk mendapatkan rawatan selanjutnya," katanya.

Katanya, KKM akan melaksanakan Kempen Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma bertujuan meningkatkan literasi kesihatan mental masyarakat dalam usaha untuk menangani stigma dan diskriminasi terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental.

"Kempen ini turut merangkumi aktiviti advokasi kesihatan mental kepada masyarakat melalui pelbagai platform termasuk media konvensional seperti televisyen dan radio serta platform digital dan media sosial.

"Pada masa kini, perkhidmatan kesihatan mental disediakan di empat institusi kesihatan mental, 62 hospital, 34 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari), satu rumah jagaan kejurawatan psikiatri dan 1,080 klinik kesihatan di seluruh negara," katanya.



KAKITANGAN awam, Irma Hanim Abdullah (kiri) bersama rakannya, Nadrah Mohammad Hafzoo menunjukkan ciri baru dalam MySejahtera iaitu modul MyMinda untuk saringan minda sihat serta perkhidmatan bantuan sokongan psikososial. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI



TAJUK : **ABAI ANAK SAMPAI JADI 'KURUS KERING'**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **23 OKT 2023**

M/SURAT : **05**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Abai anak sampai jadi 'kurus kering'

Pasangan berdepan penjara 20 tahun, denda RM50,000

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Pemandu van kilang dan kekasihnya mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan pengabaian terhadap kanak-kanak lelaki berusia 7 tahun mengakibatkan kekurangan nutrisi.

Tertuduh berusia 37, dan teman wanitanya, K Mageswari, 39 mengaku bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Fatimah Zahari.

Bagaimanapun hukuman terhadap kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam ditetapkan pada 21 November depan.

Lelaki itu dan Mageswari didakwa mengabaikan kanak-kanak berkenaan (anak kandung Thayalan) sehingga mengalami kekurangan zat makanan atau malnutrisi pada sekitar Julai 2023 hingga 12 Oktober 2023 di sebuah rumah di Jalan Pulau Jaya, Johor.

Mereka didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum di bawah akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya jika disabit kesalahan. Sementara itu, dalam



PASANGAN terabit mengaku bersalah melakukan pengabaian terhadap kanak-kanak lelaki berusia 7 tahun di Mahkamah Sesyen, semalam.

RM6k

Nilai ikat jamin
dibenarkan mahkamah
ke atas tertuduh.

pertuduhan berasingan, Mageswari mengaku tidak bersalah atas dakwaan melakukan kecederaan fizikal pada mangsa sama dan mohon untuk dibicarakan.

Dia didakwa mengakibatkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal di bahagian tangan kanan di sebuah rumah di Jalan Pulau Jaya, Johor sekitar Julai 2023 hingga 12 Oktober 2023.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Ka-

nak-kanak 2001 yang boleh dihukum di bawah akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya S Thiviya dan Umar Faiz Abdul Kohar.

Pendakwaan menawarkan jaminan RM15,000 dengan syarat tambahan iaitu melaporkan ke balai polis pada setiap bulan, menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan diberi amaran supaya tidak mengganggu saksi.


Sementara itu, tertuduh lelaki merayu kepada mahkamah supaya jaminan dikurangkan kerana mem-

punyai tanggungan termasuk menampung kos perubatan ibunya yang berusia 64 tahun.

Mageswari pula memohon jaminan dikurangkan kerana tidak bekerja dan menjaga anak berusia tiga tahun selain mempunyai masalah kesihatan serta tidak lagi sebungsu dengan suami.

Mahkamah membenarkan jaminan RM6,000 setiap tertuduh selain syarat tambahan iaitu melaporkan diri di balai polis sebulan sekali dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Selain itu mahkamah menetapkan 21 November depan untuk sebutan semula kes dan lantikan peguam.



TAJUK : HARUNGI 342KM CARI BATU SUNGAI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Harungi 342km cari batu sungai

*OKU pendengaran cari
batu sungai untuk dijadikan
tungku dan batu nisan*

MASMIELIYA menyusun batu sungai yang diambilnya di Sungai Asap, Gua Musang.

Oleh Hazira
Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Sepasang suami isteri sanggup meredah perjalanan sejauh 342 kilometer setiap dua minggu sekali dari rumah mereka yang terletak di Kampung Demit ke Sungai Asap, Gua Musang untuk mencari batu sungai bagi dijadikan tungku.

Masmeliya Idris, 26, yang juga orang kurang upaya (OKU) pendengaran berkata, dia mula mencari dan menjual batu sungai untuk dijadikan tungku sejak empat tahun lalu bagi membantu meringankan beban suaminya, Azalan Seman, 57, yang bekerja sebagai buruh.

Katanya, idea untuk menjual batu tungku itu tercetus ketika mereka sekeluarga berkelah di sebatang sungai di Gua Musang berhampiran rumah bapa saudaranya dan melihat potensi batu tungku yang boleh dijadikan cabang perniagaan bagi menambah pendapatan.

"Setiap kali mencari batu tungku di sungai, saya akan mengajak bapa saudaranya (Mohd Nasir Lah) yang mahir dalam selok-belok mengenali batu tungku yang sesuai untuk diambil.

"Bagaimanapun, petua orang lama, tidak semua



MASMIELIYA menunjukkan batu nisan sungai yang turut mendapat permintaan daripada pelanggan.

batu sungai sesuai untuk dijadikan tungku kerana tungku yang tahan lama dan tidak pecah hanya terdapat di kawasan sungai yang tertentu sahaja.

"Biasanya saya akan mencari batu tungku yang berbentuk bulat dan bujur yang sesuai digunakan untuk tujuan perubatan secara tradisional," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Demit.

Ibu kepada tiga anak berusia di antara dua hingga tujuh tahun ini berkata, batu sungai mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat memberi kehangatan berpanjangan apabila dituam pada badan dan panas berkenaan meresap

hingga ke dalam tubuh. "Alhamdulillah, saya bersyukur kerana batu tungku yang dijual mendapat permintaan bukan sahaja di Kelantan malah dari negeri-negeri lain termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Terengganu, Pahang, Melaka dan juga Perak.

"Pelanggan saya terdiri daripada ibu mengandung serta pengamal perubatan tradisional, malah ada juga individu yang mahu membeli batu tungku untuk dijadikan koleksi atau hiasan di halaman rumah," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh sebulan dia mampu menjual sehingga 100 biji batu tungku dan pada masa



Pelanggan saya terdiri daripada ibu mengandung serta pengamal perubatan tradisional, malah ada juga individu yang mahu membeli batu tungku untuk dijadikan koleksi atau hiasan di halaman rumah"

Masmeliya Idris

sama, nisan batu sungai turut mendapat permintaan daripada pelanggan.

"Kebiasaannya saya akan memuat naik gambar batu tungku atau nisan batu sungai di Facebook dan pelanggan yang berminat akan menghubungi saya untuk mendapatkan maklum balas, malah ada juga yang datang membelinya di rumah.

"Batu tungku yang dijual di antara RM10 hingga RM20 sebiji bergantung kepada saiz.

"Namun bagi mereka yang meminta saya mencari batu nisan sungai, harganya lebih tinggi berbanding batu tungku kerana saiznya lebih besar selain sukar dicari," katanya.



TAJUK : KALI KE-3 DIA BAKAR!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



RUMAH dua tingkat separuh kekal hangus dalam kebakaran dipercayai dibakar seorang anak lelaki di Kampung Parit Che Ha. - Gambar NSTP/FAIZUL AZLAN RAZAK

Kali ke-3 dia bakar!

Lelaki disyaki alami masalah kemurungan bakar rumah bapa

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

“**S**ebelum ini sudah dua kali dia cuba membakar rumah ini namun api dapat dipadamkan,” kata Raja Rohani Raja Salim.

Bagaimanapun, menurut Raja Rohani, 51, adiknya itu didakwa sekali lagi bertindak di luar batasan dengan membakar rumah keluarganya hingga hangus.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.10 pagi itu, sebuah rumah dua tingkat separuh kekal hangus dipercayai dibakar seorang lelaki berusia lingkungan 30-an di

Kampung Parit Che Ha, Manir di sini.

Menceritakan kejadian itu, Raja Rohani yang juga peniaga makanan berkata, dia terdengar bunyi letupan di luar rumah ketika sedang mandi.

Menurutnya, dia yang berasa tidak sedap hati meminta suaminya pergi melihat apa yang berlaku sebelum mendapati rumah keluarganya yang dihuni empat adik-beradik tirinya terbakar.

Katanya, kediaman itu milik ayahnya namun hanya empat beradik terbabit

tinggal di rumah berkenaan dan ayah, Raja Salim Raja Kadir, 74, duduk berasingan tidak jauh dari situ.

“Seorang daripada empat beradik terbabit dipercayai mengalami masalah kemurungan dan ketika kejadian dia tinggal seorang diri selepas tiga yang lain keluar bekerja,” katanya yang ditemui di sini, semalam.

Raja Rohani berkata, sebelum ini juga adiknya itu pernah membakar motosikal miliknya sendiri dan tidak menyangka bertindak

membakar rumah keluarganya.


“Selepas kejadian ini, adik bertindak melarikan diri,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu Rozifah Abni Hajar berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu kira-kira jam 8.30 pagi.

Beliau berkata, sepasukan 17 anggota membabitkan empat jentera dikejarkan ke lokasi kejadian dan mendapati kediaman itu terbakar 80 peratus.

“Kerja-kerja memadam terkawal pada jam 8.56 pagi, manakala jumlah kerugian dan punca kejadian masih dalam siasatan,” katanya.

“**Dia pernah membakar motosikal miliknya sendiri**
Raja Rohani



TAJUK : MENGAKU SAMUN REMAJA DALAM LIF

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

MOHAMAD Hidayat (tengah) mengaku bersalah atas tuduhan menyamun seorang remaja lelaki dalam lif di sebuah pangsapuri minggu lalu.



Mengaku samun remaja dalam lif

Johor Bahru: Seorang lelaki mengaku salah ketika dituduh di Mahkamah Sesiyen di sini, semalam atas tuduhan menyamun remaja dalam lif sebuah pangsapuri di sini minggu lalu.

Mohamad Hidayat Daim, 43, yang tidak diwakili peguam pada prosiding di hadapan Hakim Fatimah Zahari turut menolak tawaran ikat jamin RM15,000 dicadangkan

Timbalan Pendakwa Raya, S Thiviya.

Dia sebelum itu mengaku bersalah melakukan samun pada jam 3.18 petang 15 Oktober lalu ke atas remaja lelaki berusia 14 tahun dalam lif blok A, Pangsapuri Desa Jaya, Jalan Bayu Puteri 2, di sini, iaitu sebuah telefon bimbit jenis Vivo YISA warna biru gelap.

Mohamad Hidayat didakwa mengikut Seksyen

392 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan.

Thiviya mencadangkan ikat jamin RM15,000, selain tertuduh perlu melapor diri di balai polis sebulan sekali, menyerahkan pasport antarabangsa dan memohon mahkamah memberi amaran kepada lelaki itu supaya tidak mengganggu mangsa.

Namun apabila tertuduh menyatakan tidak mahu diikat dijamin, Fatimah menetapkan 20 November depan sebagai tarikh sebutan fakta dan jatuh hukuman. Terdahulu tular video berdurasi 32 saat memaparkan seorang remaja lelaki berdepan detik cemas apabila dia disamun seorang individu bertopi keledar ketika di dalam sebuah lif kediaman pangsapuri di sini.



TAJUK : PELAJAR PEREMPUAN TAMPAR KAWAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BERANG GAMBAR AIB DISEBAR

Pelajar perempuan tampar kawan

Kajang: Berang gambar mengaibkan dimuat naik di TikTok dipercayai punca seorang pelajar perempuan bertindak menampar muka rakan sekelasnya berkali-kali di bilik darjah sebuah sekolah, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, pihaknya mengesan video perselisihan melibatkan dua pelajar perempuan berusia 17 tahun yang tular di media sosial.

"Video itu dipercayai ditularkan oleh rakan sekelas mereka memaparkan perbuatan seorang pelajar perempuan di sebuah sekolah di Kajang mengasari mangsa.

"Kejadian dikatakan berlaku semasa seorang pelajar dalam video berkenaan berada di dalam kelas melihat satu posting gambar di akaun TikTok yang mengaibkan dirinya," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, suspek

bersemuka dengan rakan sekelasnya itu dan bertindak menampar pipi mangsa sebanyak lima kali sambil bertanya mengenai gambar berkenaan.

"Sebaliknya mangsa berkata gambar itu diambil sendiri oleh suspek menggunakan telefon milik rakan lain.

"Akibat sangat marah, pelajar itu menampar muka mangsa yang dikatakan menjatuhkan maruah-

nya," katanya. Beliau berkata, mangsa dan suspek sudah membuat laporan berhubung kejadian itu kelmarin.


"Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKMM) 1998.

"Sesiapa yang ada maklumat mengenai kejadian boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Muhammad Azrul Nizam Zainal Abidin di talian 016-998 5730 bagi membantu siasatan," katanya.

“Akibat sangat marah, pelajar itu menampar muka mangsa Mohd Zaid”



SEORANG pelajar perempuan bertindak menampar muka rakan sekelasnya berkali-kali di bilik darjah sebuah sekolah.



TAJUK : TAWAR PROJEK 'HALIMUNAN' BAITULMAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MOHD Nazri dipenjar 15 bulan dan dikenakan lapan sebatan kerana menipu warga emas berkaitan projek Baitulmal yang tak wujud.

Tawar projek 'halimunan' Baitulmal

Bekas ketua kampung dijel 15 bulan, 8 sebatan selepas mengaku salah menipu warga emas

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Bekas ketua kampung menitikkan air mata apabila Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 15 bulan serta lapan sebatan selepas mengaku bersalah menggunakan nama Baitulmal untuk menipu projek tidak wujud, sejak Ogos dan September lalu.

Mohd Nazri Buang, 47, membuat pengakuan itu selepas semua lapan pertuduhan dibaca oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Fatin Dalilah Khalid.

Bapa kepada enam anak itu didakwa menipu warga emas Faizal Awab, 71, supaya menyertai projek di bawah kendalian Baitulmal, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) Daerah yang menyebabkan mangsa kerugian sehingga RM25,660.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Mohd Nazri didakwa memperdayakan lelaki terbabit untuk mendapatkan tender membekalkan peralatan perubatan dan membaik pulih rumah fakir miskin daripada MAIJ Muar menyebabkan mangsa menyerahkan sejumlah RM880, RM3,770 dan RM8,900, pada 24 dan 25 Ogos lalu.

Bagi pertuduhan keempat hingga keenam, dia se-

» INFO

Bapa kepada enam anak didakwa menipu warga emas Faizal Awab, 71, supaya menyertai projek di bawah Baitulmal

kali lagi didakwa memperdayakan lelaki terbabit dan mangsa kemudiannya menyerahkan RM3,500, RM630 dan RM1,940 untuk tujuan sama, pada 4 hingga 5 September lalu.

Pertuduhan ketujuh dan kelapan pula, dia didakwa menipu orang sama yang kemudian menyerahkan RM4,100 serta RM1,940 kepadanya tanpa mengetahui semua projek ditawarkan tertuduh sebenarnya tidak wujud dengan semua kejadian berlaku di Jalan Saleh, di sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut seksyen sama iaitu penjara sehingga 10 tahun dan juga sebatan.

Berdasarkan fakta kes, mangsa membuat laporan mendakwa tertuduh menawarkan projek di bawah Baitulmal dan memintanya memberikan modal selain menjanjikan pulang keuntungan sehingga 70 peratus.

Pada masa sama, tertuduh juga menggunakan

invois palsu untuk meyakinkan mangsa dengan semua transaksi dijalankan secara berperingkat sejak 24 Ogos hingga 7 September lalu.

Dalam tempoh itu, mangsa tidak menerima sebarang keuntungan dijanjikan sebaliknya diarahkan menambahkan lagi modal untuk pelbagai tujuan. Namun tindakan tertuduh menimbulkan kecurigaan dan mangsa merasakan dia telah ditipu.

Pendakwa dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Arif Marzuki manakala tertuduh diwakili Nurain Sakina Zakri dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara 13 bulan serta tiga sebatan bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, 14 bulan penjara dan tiga sebatan (pertuduhan keempat hingga keenam) dan 15 bulan penjara, dua sebatan untuk pertuduhan ketujuh dan kelapan.

Mahkamah juga mengarahkan hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh ditahan 16 Oktober lalu manakala sebatan dijalanakan secara berasingan.

Terdahulu Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz dilaporkan berkata tertuduh ditahan pada 16 Oktober lalu, jam 9.30 malam selepas laporan polis dibuat mangsa.



TAJUK : WARGA EMAS LAGAK JADI POLIS DITAHAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas lagak jadi polis ditahan

Balik Pulau: Seorang lelaki warga emas ditahan kerana disyaki menyamar sebagai pegawai polis dan menghalang pihak polis menjalankan tugas di Bayan Lepas di sini, kelmarin.

Menurut kenyataan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya pihak polis menerima maklumat berhubung kejadian itu daripada orang awam terdapat seorang lelaki mengaku sebagai pegawai polis dan memberhentikan keretanya di tengah jalan hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.

“Kejadian itu dipercayai berlaku selepas lelaki berusia 63 tahun tersebut telah memberhentikan kereta di tengah jalan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas dan orang awam cuba menasihati suspek tetapi tidak diendahkan dan mengaku sebagai polis sambil menunjukkan sekeping kad polis komuniti.

“Pihak polis terus ke lokasi kejadian sebaik menerima maklumat itu dan meminta lelaki itu menunjukkan kad pengenalan serta mengalihkan kereta tetapi suspek enggan mengemukakan kad pengenalan malah turut enggan mengalihkan kenderaannya,” menurut kenyataan itu.

Pihak polis menahan le-

laki terbabit dan merampas sekeping kad polis komuniti miliknya untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 170 dan 186 Kanun Keseksaan. .

Sementara itu, dalam kes berasingan kenyataan itu memaklumkan polis menyita dua motosikal mengikut Seksyen 64(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam Op Samseng Jalanan yang dijalankan di Daerah Barat Daya dari pukul 11 malam Jumaat hingga 3 pagi kelmarin.

Pihak polis turut mengeluarkan sebanyak 31 keping saman kerana pelbagai kesalahan lalu lintas antaranya tiada lesen memandu, tiada cukai jalan, ubah suai motosikal keterlaluan dan tiada cermin sisi.

“Selain membendung samseng jalanan yang melibatkan mat rempit, operasi itu juga bertujuan memastikan penunggang motosikal sentiasa mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas sedia ada dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan,” menurut kenyataan itu.

